

SEJARAH PERISTIWA KORBAN

- Peristiwa bersejarah dan agung dalam sejarah
- Diingati dan dirayakan setiap tahun
- Bermula pada zaman Nabi Ibrahim AS
- Disyariatkan pada tahun kedua hijrah
- Nabi Ibrahim tidak mempunyai anak hingga usia lanjut (86 tahun)
- Baginda sangat sayang-an anaknya, tetapi kasihnya tidak melebihi kasihnya kepada Allah SWT
- Ketika peristiwa penyembelihan anaknya iaitu Nabi Ismail AS, dengan kuasa Allah SWT, baginda digantikan dengan seekor kambing
- Ibadat korban adalah kemuncak ketakwaan kepada Allah SWT

DEFINISI IBADAT KORBAN

- Menyembelih haiwan sama ada unta, lembu atau kambing dengan niat mendekati diri kepada Allah SWT
- Bermula selepas solat sunat Aidiladha pada 10 Zulhijah dan Hari Tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijah
- Sebagai menghidupkan syariat Nabi Ibrahim AS, kemudian disyariatkan kepada Nabi Muhammad SAW

JENIS KORBAN

Korban sunat

Hukum korban ini sunat muakkad iaitu yang sangat dituntut melakukannya

Korban wajib

Seseorang bernazar melakukan ibadat korban

Haiwan boleh dikorbankan

- Kambing
- Biri-biri
- Lembu
- Kerbau
- Unta

CIRI-CIRI HAIWAN KORBAN YANG SEMPURNA

Kibas

Berusia satu tahun atau gugur gigi hadapannya setelah ia berumur enam bulan

Biri-biri, domba dan kambing

Melebihi satu tahun apabila gugur gigi susuan atau hadapannya

Lembu dan kerbau

Usia melebihi dua tahun

Unta

Usia melebihi lima tahun

Haiwan yang hendak dikorbankan perlulah tidak:

- 1 Cacat telinga walaupun terpotong sedikit
- 2 Terpotong lidah atau ekor
- 3 Kurus atau kurang daging
- 4 Berkudis
- 5 Buta
- 6 Tempang
- 7 Bunting

Aidiladha juga dipanggil Hari Raya Korban.

Hari raya paling besar dan banyak kelebihan yang disambut pada 10 Zulhijah.

Tempoh takbir Aidiladha

- Selepas solat Subuh Hari Arafah
- Sehingga selepas Asar pada Hari Tasyrik




CARA PEMBAHAGIAN DAGING KORBAN

Jika daging korban disem-belih dengan niat sunat muakkad, adalah sunat berniat untuk makan sebahagian daripada daging haiwan korban berkenaan

Pembahagian daging korban wajib atau nazar

- ✓ Wajib semua dagingnya termasuk kulit dan tanduk disedekahkan kepada fakir miskin
- ! Haram orang niat korban wajib atau nazar memakan daging korbannya atau memanfaatkannya untuk kepentingan dirinya

Pembahagian daging korban sunat (pandangan ulama mazhab Syafii)



- 1/3: Pihak berkorban dan ahli keluarganya
- 1/3: Fakir dan miskin
- 1/3: Jiran dan rakan

Cara paling afdal ialah menyedekahkan keseluruhan daripada daging korban dan mengambil sedikit sahaja untuk keberkatan

TIGA PERKARA BESAR DINANTIKAN PADA ZULHIJAH

Ibadat haji

- Allah SWT mewajibkan ibadat haji berdasarkan kemampuan meliputi aspek kewangan, keselamatan, kesihatan dan kuota yang diperuntukkan
- Mengorbankan sebahagian harta untuk menunaikan ibadat haji ialah pengorbanan sangat besar
- Kemuncak ibadat haji ialah wukuf di Padang Arafah pada hari kesembilan Zulhijah

Aidiladha

- Disunatkan memakai pakaian

PERKARA SUNAT BAGI ORANG MENERJAKAN IBADAT KORBAN

- Menyaksikan proses sembelihan
- Terbaik adalah menyembelih haiwan korban dengan tangan sendiri, seterusnya menyaksikan proses korban itu
- Disunatkan tidak mengunting atau mencukur rambut
- Disunatkan tidak memotong kuku (larangan ini apabila masuk 1 Zulhijah dan berkekalan sehingga sempurna penyembelihan korban)

HIKMAH IBADAT KORBAN

- Dibalas kebaikan setiap helai bulu haiwan korban
- Saksi amal di hadapan Allah SWT
- Menambah kesyukuran dan cinta kepada Allah SWT
- Ciri seorang Muslim
- Menyucikan jiwa dan harta
- Cerminan sikap patuh dan taat
- Memupuk perasan ihsan semasa manusia

AMALAN SUNAT PADA ZULHIJAH


- Berpuasa sunat
- Perbanyakkan solat sunat dan berqiamullail
- Memperbanyakkan bacaan al-Quran
- Memperbanyakkan zikir
- Memperbanyakkan doa
- Banyak bersedekah dan membantu orang dalam kesusahan
- Berbuat baik kepada ibu bapa
- Menjaga lisan dan bercakap perkara yang baik

paling cantik, bersih dan mengenakan wangian

- Mendirikan solat sunat Aidiladha dua rakaat dengan tujuh takbir (rakaat pertama) dan lima takbir (rakaat kedua)

Ibadat korban

- Memperingati pengorbanan Nabi Ibrahim yang diperintahkan Allah SWT menyembelih anaknya Ismail AS sebagai korban
- Hukum ibadat korban ialah sunat muakkad (sangat dituntut) bagi orang berkemampuan



KORBAN KEMUNCAK KETAKWAAN

Hari ini umat Islam di Malaysia menyambut Aidiladha yang cukup sinonim dengan ibadat korban.

Kedatangannya pada 10 Zulhijah cukup dinantikan umat Islam.

Ini kerana ia peluang buat umat Islam untuk melipatgandakan amalan bermula 1

Zulhijah hingga Hari Tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijah bagi melaksanakan ibadat sunat termasuk korban.

Infografik minggu ini berkongsi berkaitan Aidiladha serta keunikan sambutan di 12 negara.

Maghribi

- Pakaian tradisi Aidiladha bagi wanita ialah kaftan tradisional manakala lelaki, abaya (seperti jubah) putih yang dipakai dengan 'babouche' (selipar) kuning tradisional
- Selepas solat sunat Aidiladha, masyarakatnya akan menziarah rakan dan keluarga sambil berkongsi sarapan seperti 'herbel' (tepung dan sup susu), 'msemen' dan 'harcha'
- Menjadi tradisi di Maghribi menyediakan hidangan daripada organ dalam haiwan iaitu hati dan jantung

Bosnia

- Aidiladha di Bosnia dikenali sebagai 'Kurban Bajram'
- Setiap perayaan iaitu Aidilfitri dan Aidiladha adalah peluang untuk menziarahi kubur orang tersayang serta memberi penghormatan
- Umat Islam Bosnia melaksanakan ibadat korban dengan menyembelih biri-biri

Algeria

- Penduduk Algeria memanggil Aidiladha sebagai Eid el-Kbir
- Umat Islam berkumpul di sebuah masjid untuk solat sunat Aidiladha
- Memakai pakaian cantik iaitu kurta salwar atau jubah
- Penting setiap orang menikmati jamuan dan memakan daging






Nigeria

- Perayaan Aidiladha di Nigeria dikenali sebagai 'Yoruba'. Bermaksud sudah tiba masanya untuk pulang
- Ramai umat Islam Nigeria melakukan perjalanan jauh pulang ke kampung halaman untuk menyambut perayaan bersama keluarga besar mereka
- Ini peluang setahun sekali mereka berkuimpul dengan keluarga besar
- Ibadat korban wajib dalam kalangan umat Islam Nigeria. Oleh itu, mereka membeli haiwan untuk dikorban selepas Ramadan kerana harganya lebih murah
- Ada sesetengah individu menyumbang dengan membeli lembu yang dikongsi bersama untuk ibadat korban



WARTAWAN
NOR'ASYIKIN MAT HAYIN
asyikin.mat@hmetro.com.my

GRAFIK:
FAHMY HASHIM
m.fahmy@mediaprima.com.my



Mesir

- Secara tradisi, masyarakat Mesir akan memakai pakaian baharu pada hari pertama Aidiladha
- Makan sesuatu yang masam dan membaca doa iaitu 'Takbeer' semasa perjalanan ke masjid
- Sepanjang Aidiladha, masyarakat digalakkan bersedekah, menguatkan hubungan dengan Allah SWT dan menunjukkan kebaikan serta kesabaran
- Masyarakat Mesir menikmati hidangan besar bersama rakan, keluarga, bertukar hadiah dan wang

Turki

- Aidiladha di Turki kenali sebagai Kurban Bayrami
- Cuti umum selama empat hingga lima hari
- Kunjungan tetamu pada hari raya pertama tidak ramai kerana mereka lebih berminat dengan acara korban dan mengagihkan korban selepas solat sunat Aidiladha


Rusia

- Hidangan istimewa masyarakat Islam di Rusia pada Aidiladha ialah kambing bersama lobak sebagai pembuka hidangan, sup kaki kambing dan stew kambing

Pakistan

- Cuti umum selama empat hingga lima hari untuk sambutan Aidiladha
- Sambutan Aidiladha dimulakan dengan solat Subuh berjemaah di masjid
- Kemuncak Aidiladha ialah menikmati hidangan manis iaitu 'khurma' yang diperbuat dengan campuran susu, bihun dan buah-buahan kering
- Lelaki, wanita dan kanak-kanak memakai pakaian baharu supaya lebih bersemangat
- menyambut Aidiladha

KEUNIKAN AIDILADHA DI DUNIA



Arab Saudi

- Selepas solat sunat Aidiladha, masyarakatnya berkumpul bersama keluarga untuk memberikan hadiah 'eidia' iaitu wang, pakaian baharu dan mainan
- Menikmati makanan tradisi 'mugalgal' iaitu kambing cincang berempah bersama tomato serta 'jareesh' gandum kisar bersama kambing dan rempah

Iran

- Umat Islam Iran melakukan acara 'zebh' iaitu mengelar leher haiwan dan membiarkan darahnya mengalir, sebelum disembelih
- Tujuannya untuk memastikan daging haiwan itu halal dan boleh dimakan oleh semua
- Masyarakat Islam berpakaian kemas dan menunaikan solat sunat Aidiladha di masjid dan kawasan terbuka
- Keluarga dan rakan saling berkunjung serta bermaafan
- Bagi umat Islam di Iran, Aidiladha adalah masa untuk beramal dan berbakti, walaupun tidak menunaikan ibadat haji

India

- Sambutan Aidiladha di India turut dikenali sebagai Bakrid
- Tradisional Aidilfitri di India dimulakan dengan solat sunat di tempat terbuka dipanggil Eidgahs
- Gerai makanan di bandar yang mempunyai ramai penduduk seperti Delhi atau Mumbai menawarkan makanan kepada orang ramai
- Berjuta-juta kambing atau haiwan lain dikorbankan untuk diberikan kepada golongan miskin
- Makanan tradisional Aidiladha di India ialah nasi beriani, kurma dan kambing panggang (bhuna kaleji)

Indonesia

- Solat sunat Aidiladha di masjid
- Berkumpul dengan keluarga untuk menikmati juadah Aidiladha
- Masyarakat berkumpul depan masjid untuk menyaksikan kambing dan lembu dikorbankan